

SIARAN MEDIA

PROGRAM ADAPTASI URBAN YANG PERTAMA DI MALAYSIA MENGGUNAKAN PENYELESAIAN BERASASKAN ALAM SEMULA JADI BAGI MENANGANI PERUBAHAN IKLIM DI PULAU PINANG

Usaha Think City diharap dapat menetapkan tanda aras bagi program-program adaptasi iklim akan datang di negara dan rantau ini.

PUTRAJAYA, 31 Januari 2023 - Think City, satu organisasi berfokuskan impak untuk merealisasikan ruang dan bandar yang lebih berdaya mampan dan saksama, hari ini mengumumkan kerjasama dengan Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-HABITAT) bagi melaksanakan program adaptasi iklim Malaysia yang pertama – Pelan Adaptasi Iklim Semulajadi Pulau Pinang (PNBCAP - *Penang Nature-Based Climate Adaptation Plan*), dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad, dan disaksikan oleh Ketua Menteri Penang, Tuan Chow Kon Yeow.

Majlis perasmian ini turut mengadakan upacara tanda tangan Persetujuan Kerjasama (*Agreement of Cooperation*) antara Think City dan UN-Habitat di majlis yang dihadiri oleh dif-dif terhormat, wakil-wakil daripada NRECC, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, agensi-agensi kerajaan, pakar iklim, NGO dan wakil media.

Selain itu, turut diadakan forum yang membincangkan tentang ancaman perubahan iklim di Malaysia dan bagaimana program rintis ini dapat menjadi rangka kerja perbandaran (*municipal framework*) bagi pengadaptasian iklim yang berpotensi untuk diperluaskan ke bandar-bandar yang lain di Malaysia dan di rantau ini.

Pada beberapa tahun yang lalu, Pulau Pinang amat terkesan dengan perubahan iklim, terutamanya di bahagian pulau disebabkan oleh faktor geografi dan infrastruktur, yang merangkumi tapak warisan bersejarah serta pembangunan urban yang serba moden. Tapak Warisan Dunia George Town mencatatkan suhu yang tinggi setiap hari disebabkan oleh kesan pulau haba bandar (*urban heat island effect*) dan mudah banjir kerana adanya peningkatan kegiatan perbandaran, hujan lebat, fenomena air pasang dan musim tengkujuh; dengan banjir terburuk direkodkan pada tahun 2017.

Pada 2019, Think City memperkenalkan PNBCAP, program adaptasi iklim urban yang pertama di Malaysia. Program lima tahun yang dibangunkan dengan kerjasama UN-Habitat, Kementerian Alam Sekitar dan Air (kini dikenali sebagai NRECC), Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ini telah berjaya mendapatkan dana sebanyak USD 10 juta (RM 44.23 juta) daripada *Adaptation Fund*.

Program pengadaptasian iklim ini telah memenangi anugerah berprestij Climathon Global Awards 2020 dan baru-baru ini terlibat dalam kempen *Transforming Cities*, satu siri yang menampilkan pelbagai usaha hebat menangani impak dan keragaman iklim yang dilaksanakan oleh bandar-bandar di seluruh dunia. Episod '*Cooling Down Penang*' yang telah diterbitkan oleh BBC StoryWorks untuk Think City, menampilkan kelebihan menggunakan alam semula jadi dalam menangani perubahan iklim. Program ini juga selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri berorientasikan kekeluargaan, hijau dan pintar menjelang tahun 2030.

Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri NRECC berkata, “Kerajaan persekutuan tidak dapat melawan perubahan iklim dengan sendiri. Tiada kerajaan di dunia ini yang mampu. Ia memerlukan penglibatan daripada semua sektor di negara ini, termasuk orang awam, dan sektor swasta serta di peringkat subnasional. Itulah sebabnya PNBCAP ialah sebuah konsep yang berpotensi tinggi, mungkin juga sebuah *gamechanger*. Ia merupakan satu perkembangan positif dimana Kerajaan Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah memilih untuk proaktif dalam meneruskan program ini, bekerjasama seiring dengan rakan kongsi nasional dan antarabangsa seperti Think City, UN-Habitat dan lain-lain. Hakikat langkah ini yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan termasuk masyarakat sivil dan kumpulan rentan juga akan meletakkannya dalam kedudukan yang baik untuk mencapai matlamatnya dengan cara yang akan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat di Pulau Pinang.”

Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang berkata, “PNBCAP yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama majlis tempatan, KASA yang kini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), agensi persekutuan, institusi tempatan dan antarabangsa; adalah satu inisiatif multilateral yang bertindak mempertingkatkan daya ketahanan urban dan mengurangkan kerentanan manusia dan ekosistem terhadap kesan perubahan iklim dan kejadian cuaca ekstrem melalui pelaksanaan penyelesaian berasaskan alam semula jadi. PNBCAP juga melihat cara bagaimana untuk menambah baik daya ketahanan sosial dan membina kapasiti institusi melalui usaha kolaborasi. Ini merupakan program pengadaptasian iklim munisipal yang pertama dibangunkan di Malaysia, selari dengan visi Penang 2030 iaitu satu pelan tindakan yang memberi fokus kepada kualiti hidup, ekonomi, penyertaan awam dan pembangunan seimbang bagi mencapai status negeri yang berorientasikan kekeluargaan, hijau dan pintar yang akan memberi inspirasi untuk negara.”

Menurut Hamdan Abdul Majeed, “PNBCAP menggunakan penyelesaian berasaskan alam semula jadi untuk mencapai matlamat komponen-komponen dalam program ini. Sebagai rakan projek usahasama ini, Think City memanfaatkan kepakaran kami dalam penyelesaian berasaskan alam semula jadi untuk melawan kesan perubahan iklim seperti banjir kilat dan kesan pulau haba bandar. Kami juga akan banyak menyumbang kepada komponen daya ketahanan sosial melalui kepakaran kami dalam intervensi komuniti urban dan pengurusan pemegang taruh demi memastikan proses keterlibatan semua pihak. Antara komponen program ini adalah penghijauan urban, pengurusan air hujan, pemupukan daya ketahanan sosial dan komuniti; serta pengukuhan kapasiti institusi. Komponen-komponen ini berkisar kepada matlamat untuk mengurangkan kerentanan daya ketahanan manusia dan ekosistem terhadap kesan perubahan iklim dan mempertingkatkan daya ketahanan urban. Think City akan bekerjasama dengan MBPP dan JPS dengan menggabungkan intervensi fizikal dengan pelan tindakan strategik untuk mempertingkatkan daya ketahanan dalam kalangan komuniti rentan dan memperkukuhkan kapasiti di tahap institusi.”

Sementara itu, Neil Khor pula berkata, “Di UN-Habitat, kami bekerjasama dengan badan-badan antarabangsa, rangkaian bandaraya global, dan organisasi-organisasi urban untuk mempengaruhi dasar dan tindakan iklim, mempromosikan peranan bandaraya dan penempatan manusia untuk usaha mitigasi dan pengadaptasian. UN-Habitat mengumpulkan sekali semua tahap tindakan iklim, daripada tempatan ke global bagi mencapai matlamat iklim yang serupa. Inisiatif baharu ini

merupakan tadbir urus pelbagai tahap daripada bandar ke negara dan akan membantu pelbagai pemegang taruh untuk bekerjasama dalam menentukan pelan, dasar, strategi, dan pelaksanaan untuk menangani cabaran perubahan iklim di Pulau Pinang. Kami tidak sabar untuk bekerjasama melalui perkongsian kepakaran dan pengalaman demi kejayaan program ini.”

Sejak daripada proses pembangunan lagi, Think City telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mengadakan sesi libat urus untuk meningkatkan kesedaran terhadap perubahan iklim dan pengadaptasian iklim; serta melakukan beberapa kaji selidik seperti Kajian Spesies Pokok Urban Kalis Iklim (*Climate-resilient Urban Tree Species Study*) untuk Malaysia bawah bimbingan Crowther Lab. Salah satu hasil kajian ini adalah pembangunan *Atlas of Climate Resilient Tree Species* (ACResT) yang telah dilancarkan pada November 2022 dan akan menjadi panduan pelaksanaan komponen penghijauan urban PNBCAP.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai PNBCAP, sila layari www.thinkcity.com.my/PNBCAP.

-TAMAT-

Mengenai Think City

Think City adalah sebuah organisasi berimpak tinggi yang telah ditubuhkan pada tahun 2009 yang bertujuan menghasilkan pelestarian bandar yang lebih saksama demi faedah semua. Kemahiran, ilmu dan strategi Think City tertumpu kepada penyelesaian perbandaran, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi budaya. Think City merupakan anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (Dana Kekayaan Berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, sila layari www.thinkcity.com.my.

Mengenai PNBCAP

Pelan Adaptasi Iklim Semulajadi Pulau Pinang (*Penang Nature-Based Climate Adaptation Plan*) adalah program adaptasi iklim urban pertama di Malaysia. Program lima tahun yang dibangunkan dengan kerjasama UN-Habitat, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah berjaya mendapatkan dana sebanyak USD 10 juta (RM 44.23 juta) daripada Dana Pengadaptasian (*Adaptation Fund*) untuk pelaksanaan. Komponen program ini termasuk penghijauan urban, pengurusan air hujan, pemupukan kebingkasan sosial dan komuniti; serta pengukuhan keupayaan institusi.

Bagi sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Dustin Chan
dustin.chan@sprg.com.my | +60189499363

Michael Lee
michael.lee@sprg.com.my | +60162804602